

D926

R B612 BAH
MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 1 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI BERKATA DASAR NEGARA YANG DIPUTUSKAN OLEH PARA JEMAAH MENTERI AKAN MENJADI DASAR SEMATA-MATA JIKA PELAKSANAANNYA TIDAK BERKESAN.

BELIAU BERKATA JABATAN PERDANA MENTERI YANG MERUPAKAN SALURAN UTAMA UNTUK MELAKSANAKAN DASAR ITU PERLU MEMAINKANNYA DENGAN SEWAJARNYA.

BAGAIMANAPUN, KATA BELIAU DALAM MENINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KEJAYAAN, IA TURUT DIPENGARUHI OLEH IKLIM TEMPAT BEKERJA DAN KEMESRAAN ANTARA KAKITANGAN.

PADA MASA INI KAKITANGAN JPM BERJUMLAH 27,000 ORANG, TETAPI SETIAP DARIPADA MEREKA MENJALANKAN TANGGUNGAN KERJA BAGI LIMA ORANG, YANG BERERTI MEREKA MELAKSANAKAN KERJA BAGI LEBIH 100,000 ORANG, KATANYA KETIKA BERUCAP PADA MALAM JABATAN PERDANA MENTERI 1987 DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTERA DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA BAHAWA MASYARAKAT KINI MULA SEDAR AKAN PENYAKIT NAJIS DADAH DAN GEJALA INI JUGA TELAH MULA MENDAPAT PERHATIAN DUNIA. -- LAGI

0113MST 02 07 87

R B611 BAH
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA PARA PEGAWAI PASUKAN KHAS ANTI-DADAH NEGARA TELAH MEMAINKAN PERANAN BERKESAN UNTUK MEMBENTANGKAN MASALAH ITU PADA PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI PENYALAHGUNAAN DAN PENGEDARAN DADAH DI VIENNA BARU-BARU INI, SEHINGGA MENDAPAT PERHATIAN DUNIA.

OLEH ITU, KATA BELIAU, PENGHORMATAN SEHARUSNYA DIBERIKAN KEPADA MEREKA BERKENAAN.

SEBELUM ITU, KETUA SETIAUSAHA NEGARA TAN SRI SALLEHUDDIN MOHAMED BERKATA JPM SEBAGAI NADI KEPADA PELAKSANAAN DASAR DAN PEMBANGUNAN NEGARA HENDAKLAH MENJADI TELADAN KEPADA JABATAN ATAU AGENSI KERAJAAN YANG LAIN.

BELIAU YAKIN JPM AKAN MENJADI JABATAN YANG MAJU DALAM SEMUA ASPEK, JIKA WUJUD SATU BUDAYA KERJA YANG POSITIF SEPERTI KESUNGGUHAN JALANKAN TUGAS, DISIPLIN, PATUH DAN MEMPUNYAI KUALITI KERJA DI KALANGAN KAKITANGAN.

SELAIN ITU, KATANYA, PRESTASI DAN PRODUKTIVITI KERJA AKAN MENINGKAT DENGAN CEMERLANG JIKA SETIAP KAKITANGAN MEMPUNYAI KEADAAN FISIKAL YANG BAIK.

PERDANA MENTERI JUGA MENYAMPAIKAN SIJIL PERKHIDMATAN CEMERLANG KEPADA 18 ORANG KAKITANGAN JPM. YANG TURUT HADIR IALAH TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK ABDUL GHAFAR BABA, MENTERI-MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DATUK DR YUSOF NOOR DAN ENCIK KASITAH GADAM DAN TIMBALAN-TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DR SITI ZAHARAH SULAIMAN DAN DRS SULAIMAN MOHAMAD. -- BERNAMA

0107MST 02 07 87